FAKTOR YANG MENDORONG KECENDERUNGAN PELAJAR KOLEJ VOKASIONAL KE ARAH BIDANG KEUSAHAWANAN

ERINIWATI ALIZA BINTI MIAAT

Laporan projek ini dikemukakan sebagai
memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknikal
(Reka Bentuk Instruksional dan Teknologi)

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

JULAI 2014

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

# ABSTRAK

Masih ramai graduan yang menganggur walaupun sudah beberapa tahun menamatkan pengajian di IPT. Masalah pengangguran pada masa kini boleh diatasi dengan menjadikan bidang keusahawanan sebagai satu kerjaya mantap yang memberikan peluang berpotensi tinggi potensi untuk diterokai. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji faktor yang mendorong kecenderungan pelajar KV ke arah bidang keusahawanan. Terdapat empat faktor yang difokuskan dalam kajian ini iaitu faktor kemahiran, sikap, latar belakang pendidikan dan latar belakang keluarga. Sampel kajian terdiri daripada 150 orang pelajar semester 3 di tiga buah KV iaitu KV Puteri, KV Chenor dan KV Temerloh. Kajian ini adalah berbentuk penyelidikan deskriptif dan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferensi iaitu skor min dan korelasi Pearson menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 18.0. Dapatan menunjukkan skor min bagi faktor kemahiran, sikap dan latar belakang pendidikan pada tahap tinggi iaitu masing-masing 4.02, 4.04 dan 3.93. Manakala bagi faktor latar belakang keluarga menunjukkan skor min yang sederhana iaitu 2.78. Kajian ini juga menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara latar belakang keluarga dengan kemahiran keusahawanan. Sebagai kesimpulan, faktor kemahiran, sikap dan latar belakang pendidikan mempengaruhi kecenderungan keusahawanan pelajar pada tahap tinggi, manakala faktor latar belakang keluarga hanya mempengaruhi kecenderungan keusahawanan pelajar pada tahap sederhana.

Kata kunci : Keusahawanan , kemahiran, sikap, latar belakang pendidikan dan latar belakang keluarga

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

# ABSTRACT

There are many graduates who are still unemployed although they had finished their study from the higher education institutions. The unemployment problem today can be solved by making entrepreneurship as one choice of steady career that gives good potential to be explored. This research is done to study the factors that encourage the tendency of vocational college students towards entrepreneurship. There are four factors that had been focused in this research; entrepreneurship skill, attitute, education background and family background. Moreover, this research also looks at the relation between the students' family background with the students' entrepreneurship skills. The sample of this research are third semester students of three vocational colleges namely KV Puteri, KV Chenor and KV Temerloh. It is a descriptive research and questionnaire form is used as the research instruments. Data received were analyzed using descriptive statistics and inference statistics that is mean score and correlation Pearson using *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 18.0 software. Result shows the mean score for skill, attitute and education background are at a high level of 4.02, 4.04 and 3.93. Meanwhile, the family background factor shows a moderate mean score of 2.78. The research also shows that there is no significant relation between the family background with enterpreneurship skill. As a conclusion, the factors of skill, attitute and education background affect the tendency towards entrepreneurship at a high level, where as the family background factor is only affecting students' tendency towards enterpreneurship at a moderate level.

Keyword : Entrepreneurship, skills, attitude, background education and family background.

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## KANDUNGAN


| BAB | PERKARA | | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| | **PENGESAHAN STATUS PROJEK SARJANA** | | |
| | **TAJUK** | | **i** |
| | **PENGAKUAN** | | **ii** |
| | **DEDIKASI** | | **iii** |
| | **PENGHARGAAN** | | **iv** |
| | **ABSTRAK** | | **v** |
| | **KANDUNGAN** | | **vii** |
| | **SENARAI JADUAL** | | **xii** |
| | **SENARAI RAJAH** | | **xiv** |
| | **SENARAI SINGKATAN** | | **xv** |
| | **SENARAI LAMPIRAN** | | **xvi** |
| **BAB 1** | **PENDAHULUAN** | | **1** |
| | 1.1 | Pengenalan | 1 |
| | 1.2 | Latar belakang masalah | 4 |
| | 1.3 | Penyataan masalah | 8 |
| | 1.4 | Matlamat kajian | 10 |
| | 1.5 | Objektif kajian | 10 |
| | 1.6 | Persoalan kajian | 11 |
| | 1.7 | Hipotesis | 11 |
| | 1.8 | Skop kajian | 12 |
| | 1.9 | Batasan kajian | 12 |
| | 1.10 | Kepentingan kajian | 12 |


PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | 1.10.1 KPM | 13 |
| | | 1.10.2 Pentadbir KV | 13 |
| | | 1.10.3 Pensyarah KV | 13 |
| | | 1.10.4 Pelajar KV | 13 |
| | 1.11 | Definisi istilah | 13 |
| | | 1.11.1 Faktor | 13 |
| | | 1.11.1.1 Kemahiran | 14 |
| | | 1.11.1.2 Sikap | 14 |
| | | 1.11.1.3 Latar belakang pendidikan | 14 |
| | | 1.11.1.4 Latar belakang keluarga | 14 |
| | | 1.11.2 Mendorong | 14 |
| | | 1.11.3 Kecenderungan | 15 |
| | | 1.11.4 Pelajar Kolej Vokasional | 15 |
| | | 1.11.5 Keusahawanan | 15 |
| | 1.12 | Kerangka konseptual kajian | 15 |
| | 1.13 | Rumusan | 16 |
| **BAB 2** | **KAJIAN LITERATUR** | | **17** |
| | 2.1 | Pengenalan | 17 |
| | 2.2 | Konsep usahawan dan keusahawanan | 18 |
| | | 2.3 Model asas proses keusahawanan | 20 |
| | 2.4 | Kajian kecenderungan keusahawanan pelajar | 21 |
| | 2.5 | Kemahiran keusahawanan | 23 |
| | | 2.5.1 Kemahiran berkomunikasi | 24 |
| | | 2.4.2 Kemahiran kepimpinan | 25 |
| | | 2.4.3 Kemahiran menyelesaikan masalah | 25 |
| | | 2.4.4 Kemahiran kerja berpasukan | 26 |
| | | 2.4.5 Kemahiran membuat keputusan | 27 |
| | 2.6 | Sikap Keusahawanan | 28 |
| | | 2.6.1 Kreatif dan inovatif | 28 |
| | | 2.6.2 Berani mengambil risiko | 30 |


PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

| | | | |
|---|---|---|---|
| | 2.6.3 | Melihat dan merebut peluang | 31 |
| | 2.6.4 | Berdikari | 31 |
| | 2.6.5 | Yakin | 31 |
| | 2.7 | Latar belakang pendidikan | 32 |
| | 2.8 | Latar belakang keluarga | 34 |
| | 2.9 | Pendidikan keusahawanan | 35 |
| | 2.10 | Rumusan | 36 |
| **BAB 3** | **METODOLOGI** | | **38** |
| | 3.1 | Pengenalan | 38 |
| | 3.2 | Reka bentuk kajian | 38 |
| | 3.3 | Lokasi kajian | 39 |
| | 3.4 | Populasi dan sampel | 39 |
| | 3.5 | Instrumen kajian | 40 |
| | 3.5.1 | Borang soal selidik | 40 |
| | 3.6 | Kajian rintis | 42 |
| | 3.6.1 | Kesahan | 43 |
| | 3.6.2 | Kebolehpercayaan | 43 |
| | 3.7 | Kaedah pengumpulan data | 44 |
| | 3.8 | Prosedur kajian | 44 |
| | 3.9 | Kaedah analisis data | 45 |
| | 3.10 | Kerangka kajian | 46 |
| | 3.11 | Andaian kajian | 49 |
| | 3.12 | Rumusan | 49 |
| **BAB 4** | **ANALISIS DATA** | | **50** |
| | 4.1 | Pengenalan | 50 |
| | 4.2 | Analisis data bahagian A | 51 |
| | 4.2.1 | Analisis jantina | 51 |
| | 4.2.2 | Analisis tempat pengajian | 51 |
| | 4.2.3 | Analisis pekerjaan bapa | 52 |
| | 4.2.4 | Analisis pekerjaan ibu | 52 |
| | 4.2.5 | Analisis pulangan hasil pendapatan | 53 |


PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | 4.4.6 Analisis pilihan kerjaya | 53 |
| | 4.3 | Analisis faktor kecenderungan keusahawanan | 54 |
| | | 4.3.1 Persoalan kajian 1 | 54 |
| | | 4.3.2 Persoalan kajian 2 | 56 |
| | | 4.3.3 Persoalan kajian 3 | 58 |
| | | 4.3.4 Persoalan kajian 4 | 60 |
| | | 4.3.5 Persoalan kajian 5 | 61 |
| | | 4.3.6 Persoalan kajian 6 | 62 |
| | 4.4 | Ulasan dan komen | 63 |
| | 4.5 | Rumusan | 64 |
| **BAB 5** | | **PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN** | **65** |
| | 5.1 | Pengenalan | 65 |
| | 5.2 | Perbincangan dapatan kajian | 65 |
| | | 5.2.1 Demografi responden | 66 |
| | | 5.2.2 Faktor kemahiran keusahawanan | 67 |
| | | 5.2.3 Faktor sikap keusahawanan | 68 |
| | | 5.2.4 Faktor latar belakang pendidikan | 69 |
| | | 5.2.5 Faktor latar belakang keluarga | 70 |
| | | 5.2.6 Analisis faktor utama kecenderungan keusahawanan | 71 |
| | | 5.2.7 Analisis hubungan antara latar belakang keluarga dengan kemahiran keusahawanan | 73 |
| | 5.3 | Kesimpulan | 73 |
| | 5.4 | Cadangan | 74 |
| | | 5.4.1 Cadangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia | 74 |
| | | 5.4.2 Cadangan kepada pentadbir sekolah/KV | 74 |
| | 5.5. | Cadangan kajian pada masa hadapan | 75 |
| | 5.6 | Penutup | 76 |
| | **RUJUKAN** | | **77** |


PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**LAMPIRAN** **91**

**VITA**

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**SENARAI JADUAL**


| | | |
|---|---|---|
| 3.1 | Populasi dan sampel kajian | 40 |
| 3.2 | Pemberatan Skala Likert | 40 |
| 3.3 | Bahagian-bahagian dalam set soal selidik kategori | 42 |
| 3.4 | Indeks kebolehpercayaan item kajian rintis | 43 |
| 3.5 | Kebolehpercayaan item soal selidik (Ghulam, R. N. & Bagley,D. 1998) | 44 |
| 3.6 | Ringkasan jadual statistik | 45 |
| 3.7 | Taburan skor min (Ghulam R. Nabi & David Bagley, 1998) | 46 |
| 3.8 | Kekuatan nilai pekali korelasi (Chua, 2008) | 46 |
| 4.1 | Taburan kekerapan dan peratusan jantina | 51 |
| 4.2 | Taburan kekerapan dan peratusan tempat pengajian | 52 |
| 4.3 | Taburan kekerapan dan peratusan pekerjaan bapa responden | 52 |
| 4.4 | Taburan kekerapan dan peratusan pekerjaan ibu responden | 53 |
| 4.5 | Taburan kekerapan dan peratusan pulangan hasil pendapatan | 53 |
| 4.6 | Taburan kekerapan dan peratusan pilihan | 53 |

| | | |
|---|---|---|
| | kerjaya responden | |
| 4.7 | Skor min dan sisihan piawai kemahiran keusahawanan pelajar KV | 54 |
| 4.8 | Skor min dan sisihan piawai sikap keusahawanan pelajar KV | 56 |
| 4.9 | Skor min dan sisihan piawai latar belakang pendidikan pelajar KV | 59 |
| 4.10 | Skor min dan sisihan piawai latar belakang keluarga pelajar KV | 60 |
| 4.11 | Skor min dan sisihan piawai keseluruhan faktor | 61 |
| 4.12 | Hubungan kolerasi latar belakang keluarga dengan kemahiran keusahawanan | 62 |
| 4.13 | Maklum balas responden berkaitan soalan terbuka | 63 |

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

# SENARAI RAJAH


| | | |
|---|---|---|
| 1.1 | Kerangka konsep kajian | 17 |
| 2.1 | Model asas proses keusahawanan (Barringer & Ireland, 2006) | 22 |
| 3.1 | Kerangka kajian | 49 |


PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

# SENARAI SINGKATAN

| | | |
|---|---|---|
| α | - | *Alpha Cronbach* |
| IKIP | - | Institut Kemahiran Iktisas Pahang |
| IPT | - | Institut Pengajian Tinggi |
| IPTA | - | Institut Pengajian Tinggi Awam |
| IPTS | - | Institut Pengajian Tinggi Swasta |
| KI | - | Kemahiran Insaniah |
| KPM | - | Kementerian Pendidikan Malaysi |
| KV | - | Kolej Vokasional |
| PAV | - | Pendidikan Asas Vokasional |
| PBE | - | *Production -Based Education* |
| PTV | - | Pendidikan Teknik dan Vokasional |
| RMK-10 | - | Rancangan Malaysia Kesepuluh |
| SE | - | *School Enterprise* |

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**SENARAI LAMPIRAN**


| | | |
|---|---|---|
| A | Borang soal selidik | 91 |
| B | Analisis kajian rintis mengikut faktor | 100 |
| C | Pengesahan borang soal selidik | 110 |
| D | Analisis kajian rintis | 116 |
| E | Surat pengesahan menjalankan kajian | 121 |
| F | Analisis data bahagian A | 123 |
| G | Skor min dan sisihan piawai kemahiran | 125 |
| H | Skor min dan sisihan piawai sikap | 126 |
| I | Skor min dan sisihan piawai latar belakang pendidikan | 127 |
| J | Skor min dan sisihan piawai latar belakang keluarga | 128 |
| K | Korelasi Pearson | 129 |
| L | Carta Gantt PS 1 | 130 |
| M | Carta Gantt PS 2 | 131 |


PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

# BAB 1

# PENDAHULUAN

## 1.1 Pengenalan

Golongan usahawan merupakan sebahagian daripada anggota masyarakat yang diterima sebagai golongan penting dalam pembangunan sesebuah masyarakat dan dikenal pasti sebagai agen kepada perubahan ekonomi dunia (Yusof, 2010). Usahawan berupaya membina nilai yang baru lagi berbeza, menukar bahan kepada sumber atau menggabung sumber-sumber yang ada untuk membentuk hasilan yang lebih produktif. Jelasnya, seorang usahawan itu bukan saja mempunyai keupayaan mereka cipta, mencetus atau memperoleh idea baru hasil daripada ilmu pengetahuan yang dikuasainya, tetapi sewajarnya juga berupaya menggunakan ilmu pengetahuan tersebut bagi tujuan mengaplikasikannya untuk peningkatan kualiti hidup masyarakat.

Dasar Ekonomi Baru yang dilaksanakan pada tahun 1970 telah memberi penekanan kepada pembangunan keusahawanan dalam kalangan bumiputera sebagai salah satu langkah untuk menyusun semula masyarakat dalam pembentukan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera. Dalam ucapan YB Dato’ Seri Mohamed Khaled bin Nordin, Menteri Pengajian Tinggi Malaysia pada perasmian Seminar Keusahawanan Kebangsaan 2012 di Jabatan Pengajian Kolej Komuniti bertajuk Kelestarian Keusahawanan Memacu Ekonomi Mapan pada 31 Oktober 2012 menyatakan,

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Dalam menjayakan Model Baharu Ekonomi (MBE), keusahawanan yang menjadi salah satu daripada terasnya perlu dijaya dan digerakkan agar ekonomi negara sentiasa dinamik sekaligus memperkukuhkan produktiviti negara.

Pendidikan keusahawanan amat penting untuk membekalkan pelajar dengan peluang dan potensi untuk memilih kerjaya sebagai usahawan. Tujuan pendidikan keusahawanan adalah untuk mengembangkan potensi pelajar ke arah yang lebih kreatif, berinisiatif dan bijaksana dalam membuat keputusan. Pendidikan keusahawanan juga mengajar seseorang itu supaya bersedia mengenal pasti peluang dan merebut peluang yang tercetus dalam persekitarannya, menterjemahkan idea dalam bentuk realiti atau satu kegiatan ekonomi, disamping bertahan dan peka dengan perubahan dan ketidakpastian ( Yap, 2002).

Mata pelajaran yang mengandungi topik-topik yang berkait terus dengan keusahawanan ialah Kemahiran Hidup Sekolah Rendah dan Kemahiran Hidup Bersepadu yang diajar di sekolah menengah rendah. Di peringkat sekolah menengah atas, aspek keusahawanan diwujudkan dalam mata pelajaran elektif seperti Perdagangan dan Asas Keusahawanan. Kandungan kurikulum ini lebih memberi penekanan kepada pengetahuan bagi murid tentang proses-proses untuk menguruskan perniagaan secara langsung. Aspek-aspek pembangunan murid untuk menjadi insan yang memiliki ciri-ciri keusahawanan hanya disentuh secara tidak langsung. Hasil daripada kaedah sebegini, murid yang terhasil didapati masih tidak membudayakan ciri-ciri keusahawanan dalam kehidupan seharian (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012).

Di peringkat tertiari, Kementerian Pengajian Tinggi telah melancarkan dasar pembangunan keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) pada 13 April 2010 bertujuan menggalakkan pendidikan dan pembangunan keusahawanan yang lebih terancang dan holistik dalam kalangan IPT. (Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara 2011-2015, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia). Kebanyakan IPT telah menawarkan kursus keusahawanan sebagai satu mata pelajaran malahan ada yang menawarkan pengkhususan dalam bidang keusahawanan. Ini disebabkan pendidikan telah dikenal pasti sebagai bahan pengantara yang mampu memberi pendedahan awal dan pengetahuan asas berkenaan bidang keusahawanan kepada pelajar seterusnya menambahkan bilangan usahawan.

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Di peringkat menengah pula, Transformasi Pendidikan Vokasional di bawah kerangka Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah memperkenalkan program pendidikan asas vokasional (PAV) dan kolej vokasional (KV). 15 buah sekolah menengah vokasional di seluruh negara terlibat dalam program menaik taraf sekolah vokasional kepada KV di bawah program pendidikan teknik dan vokasional (PTV) pada tahun 2012. Jangka masa latihan telah dipanjangkan dari dua tahun kepada empat tahun dan pelajar akan menduduki peperiksaan bagi mendapatkan Diploma Vokasional Malaysia (DVM). Program PAV pula ditawarkan kepada pelajar tingkatan satu hingga tiga di sekolah menengah kebangsaan. Matlamat utama tranformasi ini adalah untuk melahirkan modal insan berkemahiran tinggi yang berpotensi untuk menjana pendapatan tinggi seperti yang dihasratkan negara dalam mencapai Wawasan 2020 (KPM, 2013).

Kurikulum program PTV KV ini adalah berorientasikan pekerjaan yang mengandungi tiga aspek iaitu kompetensi bekerja, kompetensi keusahawanan dan kompetensi insaniah serta mengandungi empat elemen iaitu ilmu, aplikasi, kreativiti dan inovasi. Pelajar kolej vokasional turut dilengkapkan dengan kemahiran dan pengetahuan menghasilkan sesuatu produk atau menyediakan perkhidmatan yang berkaitan dengan bidang vokasional yang diikuti melalui pendekatan *Production-Based Education* (PBE) serta *School Enterprise* (SE) yang mendedahkan murid kepada aspek keusahawanan. Program PBE dan SE yang dijalankan aktif menganjurkan pelbagai aktiviti bagi menjana kewangan. Ini selaras dengan kerangka konsep KV yang menyasarkan 10% daripada lepasan diploma KV berdikari dengan menceburi bidang keusahawanan selepas menamatkan pengajian. Pelajar mendapat pendedahan dunia sebenar perniagaan melalui aktiviti seperti hari koperasi sekolah, hari kantin sekolah atau terlibat dengan aktviti jualan atau perkhidmatan yang dianjurkan oleh pihak luar. Fayolle (2000) menekankan tentang kepentingan untuk mewujudkan persekitaran keusahawanan dalam institusi pendidikan. Kedua-dua budaya sama ada budaya organisasi atau budaya persekitaran, adalah kunci utama untuk menggalakkan semangat keusahawanan dan penubuhan perniagaan. Ini bermaksud bahawa aktiviti-aktiviti keusahawanan sepatutnya diintegrasikan dalam program-program institusi sejak awal lagi dan disokong oleh budaya sekolah.

Kolaborasi KV dengan industri penting bagi membolehkan pelajar mendapat pengalaman sebenar ditempat kerja. Latihan industri mendedahkan aspek keusahawanan kepada pelajar untuk membuka perniagaan sendiri. Latihan industri

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

(On-Job Training). akan diperkenalkan melalui beberapa peringkat pengajian, iaitu asas pendidikan berasaskan pengeluaran selama sebulan, diikuti tambahan tiga hingga enam 6 bulan untuk praktikal di syarikat industri (Zawawi, 2011). Latihan ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar kepada alam pekerjaan sebenar terutamanya daripada aspek aplikasi pengetahuan yang dipelajari di kolej, perhubungan kemanusiaan dan etika serta amalan keselamatan di tempat kerja. Dengan pendidikan dan latihan yang tersusun, tenaga manusia dapat dilatih dengan kemahiran dan ilmu pengetahuan yang diperlukan untuk menjadi usahawan. Kurikulum PTV juga menekankan *learning by doing* menerusi aktiviti *hands on* (praktikal) juga mementingkan *minds-on* dan kemahiran tempat kerja dalam pengajaran dan pembelajaran. Penekanan penggunaan pembelajaran secara amali dilihat mampu menghasilkan pelajar yang kreatif, berpengetahuan dan mempunyai kemahiran menyelesaikan masalah (Kamaruddin et. al, 2009). Ini selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan objektif KV untuk melahirkan pelajar berkompetensi pekerjaan aras tinggi dan menepati kehendak industri serta berkompetensi usahawan.

## 1.2 Latar belakang masalah

Pengangguran sering kali dikaitkan dengan lebihan penawaran buruh di pasaran. Masalah ini sering melanda kawasan luar bandar atau pun di negara yang mundur kesan daripada aktiviti ekonomi tidak berkembang dan seterusnya tidak dapat menyediakan peluang pekerjaan yang mencukupi untuk penduduk masing-masing (Baharin, Yusoff dan Ismail, 2012). Namun begitu masalah penggangguran juga berlaku di kawasan bandar, negara-negara membangun, malah di negara maju sekalipun. Pengangguran terjadi kerana kekosongan pekerjaan yang ada tidak dapat dipenuhi atas sebab-sebab yang tertentu, iaitu berpunca daripada pihak yang menganggur atau daripada pihak majikan sendiri. Selain itu, menurut Sulaiman dan Hashim (2011), pertumbuhan pesat penduduk tidak seiringan dengan pertumbuhan ekonomi akan menimbulkan persaingan dalam merebut peluang pekerjaan.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (2013), tenaga buruh merujuk kepada mereka yang berumur 15 hingga 64 tahun, sama ada bekerja atau menganggur. Bekerja merujuk kepada orang yang bekerja sekurang-kurangnya sejam seminggu

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

untuk mendapatkan upah, keuntungan atau keuntungan keluarga. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), menyatakan menganggur adalah keadaan seseorang itu tidak mempunyai pekerjaan disebabkan oleh kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan ataupun akibat daripada pengurangan pekerja oleh kerajaan atau disebabkan oleh keadaan cuaca yang tidak membolehkan sesuatu pekerjaan itu dilaksanakan. Penganggur dapat dikelaskan kepada dua kumpulan iaitu penganggur aktif dan penganggur tidak aktif. Penganggur aktif termasuk mereka yang tidak bekerja tetapi bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan. Penganggur tidak aktif pula merupakan mereka yang tidak mencari pekerjaan kerana percaya tidak terdapat pekerjaan ataupun tidak berkelayakan atau mereka yang menunggu jawapan permohonan pekerjaan. Saban tahun isu pengangguran akan menjelma apabila keputusan peperiksaan umum negara diumumkan atau konvokesyen sesebuah universiti diadakan. Apakah punca-punca yang mendorong isu ini berlaku?

Salah satu punca yang dikenal pasti ialah fenomena ledakan pendidikan, iaitu peningkatan dalam pengambilan pelajar ke institut pengajian tinggi awam (IPTA) dan institut pengajian tinggi swasta (IPTS) serta tempoh pembelajaran dan kursus yang dipendekkan, yang akan menyumbang kepada lebihan dalam penawaran buruh. Kenyataan ini disokong oleh Yusof, Mat Lazim dan Jamaluddin (2013) yang menyatakan pertambahan IPTA dan IPTS serta bilangan pelajar yang memasuki pusat pengajian tinggi telah meningkatkan lagi tekanan terhadap persaingan untuk mendapatkan pekerjaan dalam pasaran. Pada tahun 2000, jumlah keseluruhan pelajar yang berjaya dihasilkan oleh IPT di Malaysia yang terdiri daripada IPTA, IPTS, Kolej Tunku Abdul Rahman, politeknik dan kolej komuniti adalah seramai 116,673 orang. Jumlah ini telah meningkat kepada seramai 239,303 orang pada tahun 2010 (Kementerian Pengajian Tinggi, 2011). Bilangan penganggur Bumiputera adalah yang paling ramai berbanding graduan bukan Bumiputra sedangkan mereka terlatih dalam bidang kejuruteraan, sains dan kemasyarakatan. Ini adalah kerana graduan bukan Bumiputra lebih mudah diserapkan ke dalam perniagaan milik keluarga mereka (Halimah 2001).

Selain itu, banyak kemahiran yang dimiliki selepas tamat pengajian di IPT tidak selari dengan penggunaan kemahiran semasa bekerja. Walaupun IPT di Malaysia berjaya mengeluarkan ribuan graduan setiap tahun, namun majoriti daripada mereka tidak berupaya untuk memenuhi tuntutan pasaran buruh kerana kekurangan kemahiran yang sangat diperlukan dalam pekerjaan terutamanya dari

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

segi *soft skill*. Bagi meningkatkan tahap kebolehpasaran siswazah, pihak IPT tempatan sentiasa berusaha untuk memperbaiki lagi program-program akademiknya (Ismail, 2012). Program–program yang telah dan sedang dilaksanakan termasuklah pengenalan modul Kemahiran Insaniah bermula sesi akademik 2007/2008 bertujuan untuk meningkatkan kemahiran komunikasi pelajar dan tahap penguasaan bahasa terutamanya Bahasa Inggeris. Modul keusahawanan juga diperkenalkan bagi melengkapkan pelajar dengan kemahiran keusahawanan yang relevan dengan pasaran supaya bakal graduan ini mampu berdikari apabila menamatkan pelajaran kelak.

Negara pernah berhadapan dengan krisis kewangan Asia pada tahun 1997 namun kadar pengangguran berjaya dikawal dan masih berada di tahap yang rendah iaitu sekitar 2.5%. Trend itu berlaku sehinggalah pada tahun 2010 apabila kadar pengangguran berjaya dikekalkan pada tahap kurang daripada 4% (Baharin, Yusoff dan Ismail, 2012). Bagaimanakah untuk mengekalkan tahap pengangguran tenaga penuh ini dan seterusnya mencapai sasaran yang dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011-2015) atau RMK-10 iaitu untuk mencapai kadar pengangguran 3.1% menjelang tahun 2015. Menurut Sloman, J. (1999) kadar pengangguran di England sekitar tahun 60-an dan 70-an ialah sekitar 3% hingga 5% meningkat kepada 10% pada tahun 80-an dan 8.4% pada tahun 90-an. Corak peningkatan tersebut turut dialami oleh kebanyakan negara maju di dunia pada hari ini. Malaysia selangkah menuju negara maju menjelang 2020 akan mengalami nasib yang sama jika masalah ini tidak ditangani dengan bijaksana serta perancangan yang teliti. Sesebuah negara dikatakan mempunyai pertumbuhan ekonomi yang mampan jika kadar penganggurannya rendah (Baharin, 2012).

Masalah pengangguran yang berlaku boleh memberi kesan terutamanya terhadap ekonomi dan sosial sesebuah negara. Antara kesan ekonomi yang berlaku ialah mengurangkan keluaran negara, menurunkan taraf hidup sekaligus melambatkan pembangunan negara. Kadar pengangguran yang tinggi juga boleh mendorong kepada kejatuhan ekonomi seterusnya meningkatkan kadar kemiskinan sesebuah negara. Desakan hidup serta ketidakmampuan memenuhi matlamat keperluan hidup mendorong golongan miskin dan menganggur terlibat dalam kegiatan jenayah (Katiman, 1988). Peningkatan jenayah berlaku disebabkan masalah kewangan dan tekanan jiwa serta tiada keyakinan diri. Selain itu pendapatan negara akan berkurang dan memberi kesan langsung kepada jumlah pungutan cukai

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

pendapatan dan cukai keuntungan syarikat menyebabkan kerajaan akan kekurangan dana dan sumber pendapatan. Kesan sosial akibat pengangguran termasuklah pengaruh negatif dalam keluarga dan mewujudkan ketidaktenteraman yang boleh membawa kepada pergaduhan dan perceraian. Menurut Hasim (2010), masalah kewangan dan kos sara hidup yang tinggi dikenal pasti sebagai punca utama kes perceraian pasangan muda diibu kota.

Dalam usaha memperkasakan agenda pembangunan bumiputera, dalam RMK-10 yang telah dibentangkan oleh Perdana Menteri Malaysia ke-6, Datuk Seri Najib Razak, di Parlimen pada 10 Jun 2010, telah mengumumkan lima inisiatif strategik .Salah satu daripadanya ialah menambah baik program pembangunan kemahiran dan keusahawanan serta pembiayaan melalui pelbagai agensi pembangunan Bumiputera (RMK-10, 2011). Pakej bersepadu akan dilaksanakan bagi meningkatkan daya saing dan daya maju Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera. Pakej ini termasuk latihan keusahawanan, bantuan teknikal, pembiayaan, khidmat rundingan serta promosi dan pemasaran. Bagi meningkatkan akses kepada kemudahan pembiayaan, RM1.5 bilion telah diperuntukkan untuk kemudahan usahawan bumiputera. Sesungguhnya program pembangunan usahawan bumiputera akan mempercepatkan proses pegangan ekuiti bumiputera sebanyak 30% dalam negara sebagaimana yang dihajati dalam Dasar Ekonomi Baru 1970.

Dalam bajet 2013 pula, beberapa insentif bagi usahawan-usahawan muda seperti program-program latihan keusahawanan di bawah *New Entrepreneurship Foundation* dan dana pinjaman dibawah *Young Entrepreneurship Fund* yang terbuka kepada semua belia yang berumur 30 tahun kebawah diumumkan. Dengan adanya dana pinjaman ini, belia yang dahulunya mungkin menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pinjaman kewangan, boleh menarik nafas lega. Belia yang tidak bekerja boleh merebut peluang ini untuk mencuba nasib mereka sebagai usahawan.

Selain itu, Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang telah dilancarkan pada 2010 bertujuan menangani bidang-bidang utama yang menjadi keprihatinan rakyat Malaysia di samping menjadi pemangkin kepada transformasi Malaysia untuk menjadi negara yang membangun dan berpendapatan tinggi. Melalui program ini seramai 1,100 orang usahawan wanita telah berjaya dilatih pada tahun 2011 dan pendapatan yang diperoleh mereka telah meningkat daripada purata RM750 kepada RM3,500 sebulan. Hasil kajian yang dilakukan oleh Hambali (2011) mendapati, bantuan yang disediakan oleh pihak kerajaan dapat membantu meningkatkan

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

kejayaan usahawan industri kecil sederhana (IKS) bumiputera dalam menceburi bidang keusahawanan.

Menurut Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia (2012) dorongan untuk menjadi usahawan berlaku disebabkan kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan. Malaysia, sebuah negara membangun memerlukan ramai usahawan bagi membentuk masyarakat berpendapatan tinggi ke arah negara maju menjelang tahun 2020. Setiap individu perlu bijak dalam merebut peluang terutamanya dalam bidang perniagaan dengan menjadi usahawan yang berjaya dan dapat membangun dengan peredaran semasa.

## 1.3 Penyataan masalah

Menurut Jabatan Perangkaan Negara berasaskan banci penduduk dan perumahan 2010, peratus pengangguran rakyat Malaysia sehingga bulan September 2013 adalah sebanyak 3.1 %. Pada tahun 2009, sebanyak 27% daripada siswazah IPT tempatan masih menganggur dalam tempoh enam bulan selepas menamatkan pengajian. Bagi yang berjaya mendapat pekerjaan pula, 29% daripada mereka pada tahun 2006 dan 33% pada tahun 2009 hanya memperoleh pendapatan kurang daripada RM1,500 sebulan. (RMK- 10, 2011).

Dalam pada itu data pada tahun 2009 menunjukkan bahawa untuk tempoh bermula Oktober 2008 hingga April 2009, seramai 30,650 pekerja di Malaysia telah diberhentikan kerja (Mazlan, 2009). Namun demikian, bilangan rakyat yang menerima tempias akibat kehilangan pekerjaan berkemungkinan menjangkau angka yang lebih besar. Jika setiap pekerja mempunyai tanggungan purata seramai 3 orang, maka dapat digambarkan bahawa bahana kehilangan pekerjaan adalah berlipat ganda.

Kajian yang dijalankan oleh IPPTN (2003) mendapati antara sebab utama graduan gagal mendapat pekerjaan adalah kerana kurangnya kemahiran untuk berkomunikasi dalam bahasa Inggeris. Permohonan pekerjaan di sektor swasta memerlukan tahap penguasaan bahasa Inggeris di tahap yang baik kerana sekecil-kecil memo di syarikat swasta kebanyakannya ditulis dalam Bahasa Inggeris. Lee & Tan (2003) mendapati kemahiran berkomunikasi merupakan kemahiran yang

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

mempunyai nilai tertinggi paling dikehendaki industri. Kemahiran berkomunikasi sering kali dilihat oleh majikan sebagai satu indikator kepada potensi kejayaan (Lee, Quek, dan Chew, 2001). Masalah kurang kemahiran berkomunikasi juga dihadapi oleh negara seperti Thailand, Nepal, Taiwan, China, Hong Kong, dan Jepun (Idris, Ariffin dan Mohd Ishak, 2009).

Kemahiran keusahawanan merupakan antara kemahiran penting dalam kemahiran-kemahiran insaniah (*soft skills* ) yang harus dimiliki oleh pelajar sama ada peringkat pengajian rendah atau peringkat pengajian tinggi (Othman et.al, 2003). Kemahiran ini melibatkan keupayaan diri pelajar untuk meneroka peluang dan membangunkan kesedaran tentang risiko, kreativiti dan inovasi dalam aktiviti berkaitan perniagaan dan pekerjaan yang merangkumi kebolehan mengenal pasti peluang perniagaan, kebolehan merangka perancangan perniagaan dan kebolehan untuk bekerja sendiri.

Menurut Filer et al. (1996), kepentingan *soft kill* seperti penguasaan bahasa, kemahiran menyelesaikan masalah dan kepimpinan tidak dapat dinafikan lagi untuk memastikan kebolehpasaran siswazah menyebabkan kadar pengangguran lebih rendah dalam kalangan mereka yang lebih berkemahiran. Gurcharan Singh dan Garib Singh, (2008) turut mendapati kemahiran kebolehkerjaan penting untuk memastikan kebolehpasaran siswazah. Saunders et al. (2005) mendapati, pelajar lebih memberi penekanan ke atas kemahiran teknikal berbeza dengan pemberatan pihak industri yang meletakkan kemahiran *employability* dan kebolehan pekerja dalam mengaplikasikan sesuatu kemahiran sebagai pemberatan utama mereka. Perbezaan pendapat ini dilihat sebagai satu faktor graduan gagal menguasai kemahiran yang dikehendaki oleh industri.

Menurut Henwood (2006) dan Hassan et al. (2005), antara aset penting dalam pasaran kerja dan industri di Malaysia kini termasuklah kemahiran komputer, kemahiran komunikasi, keterampilan bahasa (bahasa Inggeris, Mandarin, Jepun dan bahasa Melayu), kemahiran interpersonal, fleksibel, adaptibiliti, analitikal, inisiatif, kepimpinan, keyakinan diri dan bekerja secara berkumpulan. Organisasi kini tidak lagi memerlukan tenaga kerja yang ramai sebaliknya tenaga kerja yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi (Chan, 2000). Hasil kajian IPPTN (2003) melalui temu bual dengan majikan menyatakan antara alasan siswazah tidak mendapat pekerjaan disebabkan bermasalah daripada segi sikap, tidak proaktif, tiada inisiatif dan mengalami masalah untuk melaksanakan secara kendiri sesuatu arahan

kerja. Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa siswazah yang menganggur kurang memiliki ciri-ciri keusahawanan.

Masalah pengangguran pada masa kini boleh diatasi dengan menjadikan keusahawanan sebagai satu kerjaya dimana ini merupakan satu peluang yang berpotensi untuk diteroka. Pengkhususan dan kepakaran yang diperoleh dalam sesuatu bidang semasa pengajian kadangkala tidak dapat menjamin seseorang itu mendapat kerjaya yang diidamkan. Oleh yang demikian, ciri-ciri keusahawanan harus disemai dalam kehidupan pelajar melalui pendidikan supaya mereka memperolehi pengetahuan dan kemahiran dalam bidang keusahawanan. Kerjaya sebagai usahawan mempunyai prospek masa hadapan yang cerah. Perkara utama yang menimbulkan persoalan adalah berkaitan faktor yang mampu mempengaruhi kecenderungan pelajar menjadikan bidang keusahawanan sebagai kerjaya masa hadapan mereka.

Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji faktor yang mendorong kecenderungan pelajar KV ke arah bidang keusahawanan. Faktor yang ingin dikaji adalah daripada konstruk kemahiran, sikap, latar belakang pendidikan dan latar belakang keluarga kerana hal ini memberi impak yang penting dalam mempengaruhi keputusan seseorang itu untuk menjadi usahawan.

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## 1.4 Matlamat kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji faktor yang mendorong kecenderungan pelajar kolej vokasional kearah bidang keusahawanan. Keusahawanan memberikan kebebasan berfikir, menggalakkan percambahan kreativiti, dan boleh menjadi sumber rezeki yang produktif.

## 1.5 Objektif kajian

Kajian ini dijalankan untuk menjawab beberapa persoalan iaitu :

1. Mengenal pasti kemahiran keusahawanan pelajar KV.

2. Mengenal pasti sikap keusahawanan pelajar KV.
3. Mengenal pasti latar belakang pendidikan pelajar KV.
4. Mengenal pasti latar belakang keluarga pelajar KV.
5. Mengenal sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara latar belakang keluarga dengan kemahiran pelajar KV.
6. Mengenal pasti faktor utama yang telah mendorong kecenderungan pelajar KV ke arah bidang keusahawanan.

## 1.6 Persoalan kajian

Beberapa persoalan kajian telah dibentuk untuk mendapatkan jawapan terhadap permasalahan kajian iaitu:

1. Bagaimanakah kemahiran keusahawanan pelajar KV ?
2. Bagaimanakah sikap keusahawanan pelajar KV ?
3. Bagaimanakah latar belakang pendidikan pelajar KV ?
4. Bagaimanakah latar belakang keluarga pelajar KV ?
5. Apakah faktor utama yang telah mendorong pelajar KV ke arah bidang keusahawanan?
6. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara latar belakang keluarga dengan kemahiran pelajar KV ?

## 1.7 Hipotesis

Hipotesis kajian yang diwujudkan adalah bagi menjawab persoalan kajian yang keenam yang dicadangkan oleh penyelidik. Hipotesis tersebut adalah:

Ho : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara latar belakang keluarga dan kemahiran pelajar KV.

Ha : Terdapat perbezaan yang signifikan antara latar belakang keluarga dan kemahiran pelajar KV.

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## 1.8 Skop kajian

Kajian ini adalah untuk mengenalpasti faktor yang mendorong kecenderungan pelajar KV ke arah bidang keusahawanan. Kajian ini hanya memberi tumpuan kepada empat faktor sahaja iaitu sikap, kemahiran, latar belakang pendidikan dan latar belakang keluarga. Kesemua faktor dalam kajian ini bukanlah mewakili keseluruhan faktor. Kajian yang dijalankan ini tertumpu kepada pelajar-pelajar KV semester 3 yang terdiri daripada pelbagai bidang pengkhususan.

## 1.9 Batasan kajian

Terdapat beberapa batasan bagi kajian yang dijalankan. Antaranya kajian ini hanya tertumpu kepada kecenderungan usahawan dalam kalangan pelajar KV sahaja. Penyelidik beranggapan bahawa lulusan Diploma KV adalah pelajar IPT. Disamping itu, hanya satu sahaja kaedah utama yang digunakan untuk mengumpul data iaitu dengan mengedarkan soal selidik kepada pelajar selepas tamat waktu persekolahan. Kaedah ini mengumpul maklumat secara keratan rentas yang tertakluk kepada responden yang sedia ada sahaja. Instrumen kajian yang akan digunakan juga bergantung kepada keihklasan dan kejujuran responden untuk menjawab. Responden perlu menentukan jawapan yang difikirkan betul berdasarkan pilihan jawapan yang disediakan. Penyelidik membuat andaian bahawa responden memberi maklumat yang tepat secara ikhlas dan jujur. Dapatan yang diterima akan dianalisis.

## 1.10 Kepentingan kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji faktor yang mendorong kecenderungan pelajar KV kearah bidang keusahawanan di tiga buah KV di daerah Temerloh yang mempunyai pelbagai bidang pengkhususan. Terdapat beberapa kepentingan yang telah didapati daripada hasil kajian ini.

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

### 1.10.1 Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)

KPM boleh menjadikan dapatan kajian ini sebagai salah satu input untuk menyediakan perancangan berkaitan dengan latihan keusahawan kepada pelajar KV dengan lebih terancang dan terperinci.

### 1.10.2 Pentadbir KV

Maklumat melalui dapatan kajian ini menjadi panduan kepada pihak kolej untuk mengenal pasti faktor utama yang mendorong kecenderungan pelajar KV ke arah bidang keusahawanan.

### 1.10.3 Pensyarah

Hasil kajian ini juga dapat membantu pensyarah untuk merancang dan membentuk satu garis panduan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi mendorong pelajar lebih berminat menceburi bidang keusahawanan.

### 1.10.4 Pelajar KV

Hasil kajian ini boleh menjadi peransang kepada pelajar untuk menjadi usahawan serta menjadi bahan rujukan dan panduan kepada pelajar yang berminat menjadi usahawan.

## 1.11 Definisi istilah

Istilah penting yang akan digunakan dalam kajian ini ialah faktor, mendorong, kecenderungan, pelajar kolej vokasional dan keusahawanan.

### 1.11.1 Faktor

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), faktor bermaksud unsur atau sebab yang menyumbang kepada sesuatu hasil. Faktor yang dikaji dalam kajian ini adalah faktor kemahiran, sikap, latar belakang akademik dan latar belakang keluarga.

#### 1.11.1.1 Kemahiran

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), kemahiran bermaksud terlatih untuk mengerjakan sesuatu. Eleman kemahiran yang dikaji dalam kajian ini ialah kemahiran berkomunikasi, kepimpinan, menyelesaikan masalah, kerja berpasukan dan membuat keputusan.

#### 1.11.1.2 Sikap

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), sikap bermaksud perbuatan atau pandangan yang berdasarkan sesuatu pendapat. Eleman sikap yang dikaji dalam kajian ini ialah kreatif dan inovatif, berani mengambil risiko, melihat dan merebut peluang, berdikari dan yakin.

#### 1.11.1.3 Latar belakang pendidikan

Latar belakang pendidikan bermaksud pendedahan formal dan tidak formal pelajar dalam bidang keusahawanan.

#### 1.11.1.4 Latar belakang keluarga

Dalam kajian ini, latar belakang keluarga ini bermaksud penglibatan ahli keluarga dalam bidang keusahawanan.

### 1.11.2 Mendorong

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), mendorong bermaksud memberi galakan. Merujuk kepada kajian ini mendorong merupakan satu perlakuan untuk mempengaruhi pelajar menceburkan diri dalam bidang keusahawanan

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

### 1.11.3 Kecenderungan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), kecenderungan bermaksud kesukaan (keinginan, kemahuan). Merujuk kepada kajian ini kecenderungan merupakan minat pelajar dalam bidang keusahawanan ataupun minat untuk membuka perniagaan sendiri setelah dipengaruhi oleh faktor kemahiran, sikap, pendidikan dan latar belakang keluarga.

### 1.11.4 Pelajar kolej vokasional

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), pelajar bermaksud orang yang belajar (seperti murid, penuntut di maktab, dsb). Kolej Vokasional merupakan hasil penjenamaan semula sekolah vokasional. Pelajar KV bermaksud pelajar yang belajar di KV yang terlibat dengan aktiviti keusahawanan.

### 1.11.5 Keusahawanan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), keusahawanan bermaksud (segala-gala) yang berkaitan dengan usahawan atau kegiatan dan kemahiran usahawan. Menurut Schumpeter (1934), keusahawanan bermaksud menjalankan kombinasi baru seperti produk atau servis baru. Husaini dan Ahmad (2009) pula menyatakan kegiatan keusahawanan merupakan satu proses memupuk dan melahirkan pelajar dengan berbudaya berniaga. Menurut kajian ini keusahawanan merupakan aktiviti-aktiviti yang dilakukan untuk memupuk budaya dan nilai keusahawanan serta aktiviti yang dijalankan untuk meraih keuntungan.

## 1.12 Kerangka konseptual kajian

Kerangka konseptual ini dibentuk bersesuaian dengan objektif kajian iaitu mengkaji faktor yang mendorong kecenderungan pelajar KV ke arah bidang keusahawanan. Kemahiran, sikap,latar belakang pendidikan keusahawanan dan latar belakang keluarga dikenalpasti sebagai pendorong dan dijangka akan mempengaruhi pelajar ke arah kecenderungan untuk menjadi usahawan. Kerangka konsep kajian bagi kajian ini adalah seperti dalam Rajah 1.1.

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH




Rajah 1.1: Kerangka konseptual kajian

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## 1.13 Rumusan

Dalam bab ini, telah diperjelaskan satu persatu perkara-perkara yang menjadi asas dan hala tuju kajian ini. Penyelidik telah menetapkan beberapa matlamat yang ingin dicapai di akhir kajian ini. Pada masa yang sama, penyelidik turut menyatakan kepentingan kajian dan batasan kajian. Di bahagian akhir bab ini, beberapa definisi istilah penting telah dihuraikan bagi memberi kefahaman yang lebih mendalam.

**BAB 2**

# KAJIAN LITERATUR

## 2.1 Pengenalan

Dalam RMK-10, (2011–2015), pendidikan telah diletakkan sebagai salah satu daripada Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang bertujuan untuk meningkatkan potensi pelajar supaya dapat menyokong pembangunan pengetahuan dan inovasi, tahap kemahiran yang tinggi dalam bidang teknikal dan profesional serta paras produktiviti yang tinggi untuk melonjakkan negara ke arah mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Di samping itu, pembangunan negara juga turut mengambil kira agenda kebolehpasaran siswazah supaya negara mempunyai siswazah serba boleh, berkemahiran tinggi dan membangun secara holistik memandangkan buat masa ini masih terdapat jurang yang besar antara tahap kompetensi siswazah Malaysia dengan piawaian antarabangsa (Mat Lazim dan Yusof, 2012). Selain itu, matlamat untuk membangunkan ekonomi berasaskan pengetahuan memerlukan sumber manusia yang berkualiti dan dapat menyokong serta menggerakkan ekonomi tersebut.

Dalam usaha negara ke arah membangunkan modal insan yang berkualiti, pengangguran masih berlaku dalam kalangan graduan. Segulung ijazah tidak menjanjikan kepastian untuk mendapatkan kerja yang dikehendaki. Antara penyebab utama pengangguran berlaku dalam kalangan graduan kerana tidak memiliki kemahiran insaniah yang diperlukan oleh majikan. Menurut Mohamed, Mohd Isa dan Shafii (2007), masalah pengangguran dalam kalangan graduan dikaitkan dengan isu

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

kekurangan dan kelemahan graduan yang dikeluarkan oleh pihak IPT. Mereka dikatakan tidak mampu berfikir secara kritikal, kurang kemahiran menyelesaikan masalah, kurang kemahiran komunikasi dan kerja berkumpulan, kurang kemahiran menggunakan kemudahan ICT dan lemah berbahasa Inggeris. Selain lemah penguasaan Bahasa Inggeris, graduan juga didapati berfikiran sempit, tiada ciri-ciri kepimpinan, tiada semangat kekitaan dan tiada kemahiran berkomunikasi.

Disamping itu, kajian tinjauan yang dijalankan oleh Kementerian Sumber Manusia (2005) dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2006) telah mendapati sejumlah 59,315 siswazah mengganggur. Antara faktor utama yang menjadi petunjuk utama pengangguran tersebut ialah kurang kemahiran komunikasi khususnya dalam kemahiran lisan dan kemahiran pemikiran kritikal khususnya dalam penaakulan yang berkaitan penyelesaian masalah. Memandangkan arus pembangunan yang semakin pesat membangun, pihak majikan pula lebih cenderung mencari bakal pekerja yang memiliki pelbagai kemahiran tanpa perlu memberi latihan dalam perkhidmatan (*in-house training*) (Hassan, Ahmad dan Bahari, 2008). Masalah-masalah seperti inilah yang menjadi penyumbang kepada peningkatan graduan yang menganggur di Malaysia.

Dengan memilih kerjaya sebagai usahawan, seseorang tidak lagi terikat dengan jaminan yang diberikan oleh orang lain, tetapi mempunyai kebebasan untuk mengurus ekonomi sendiri (Trump, 2007). Tambahan lagi, seorang usahawan tidak akan melihat masalah-masalah seperti yang dinyatakan, tetapi akan mencari peluang disebaliknya. Dengan itu, graduan tidak terbeban dan menjadi mangsa kepada masalah sebaliknya, mampu berdiri sendiri dan menjadi sebahagian daripada jalan penyelesaian.

## 2.2 Konsep usahawan dan keusahawanan

Ahli-ahli sarjana melihat daripada pelbagai perspektif sama ada perspektif ekonomi, pengurusan ataupun kemanusiaan untuk mendefinisikan usahawan dan keusahawanan. Perkataan usahawan berasal daripada perkataan Perancis *entreprend* yang bermaksud menanggung. Farid (2007), menyatakan usahawan adalah individu yang memiliki tenaga dan semangat tinggi, lebih bertoleransi daripada orang lain

terhadap risiko dan ketidakpastian, mendambakan autonomi dan kecekalan mencapai matlamat disebalik pelbagai cabaran dan kekurangan sumber. Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) mentakrifkan usahawan sebagai orang yang mengusahakan sesuatu perusahaan iaitu pengusaha. Pengusaha dimaksudkan sebagai pekerjaan secara besar-besaran untuk membuat barang-barang industri atau pekerjaan berniaga secara besar-besaran. Seseorang yang telah memulakan perniagaan atau telah membeli perniagaan yang dimulakan oleh orang lain juga dikenali sebagai usahawan. Usahawan juga adalah seorang pengurus yang menerajui perniagaannya dan dapat menuntut hak keempunyaan ke atas perniagaan tersebut, oleh itu ia menanggung risiko perniagaan (Mohd Rosli, 2013). Usahawan mempunyai wawasan dan mengembangkan perniagaan untuk kemakmuran masyarakat. Usahawan juga adalah seorang yang mengambil risiko memulakan atau menubuhkan sesuatu perniagaan atau perusahaan dan mengusahakannya. Kesimpulannya boleh kita nyatakan bahawa usahawan adalah seseorang yang inginkan kebebasan dalam perniagaan, membuat keputusan sendiri dan seterusnya ingin berjaya atas usaha sendiri.

Keusahawanan pula merupakan satu proses membuat keputusan dan tindakan yang berterusan daripada memulakan hingga mengurus sesuatu perniagaan (Mahmood et al., 2008). Sementara itu, Kuratko dan Hodgetts (2004) memfokus kepada inovasi. Mereka mentakrifkan keusahawanan sebagai,

> Satu proses inovasi dan penciptaan perniagaan baru, melalui empat dimensi iaitu individu, organisasi, persekitaran dan proses, dibantu oleh jaringan kerjasama kerajaan, pendidikan dan institusi-institusi. Semua posisi makro dan mikro pemikiran keusahawanan perlu dipertimbangkan sementara mengenal pasti dan dan mendapatkan peluang-pelang yang boleh ditukar ke idea persaingan untuk pelaksanaan ekonomi sekarang. Usahawan juga merupakan pemangkin kepada perubahan ekonomi yang menggunakan pencarian berfaedah, perancangan berhati-hati dan mencari keadilan apabila menjalankan proses keusahawanan. Dengan penuh komited dan optimistik, usahawan-usahawan bekerja secara kreatif untuk mencari sumber-sumber baru atau membiayai yang lama dengan kapasiti baru, kesemuanya dengan tujuan mencipta kekayaan.

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Dalam pada itu, keusahawanan menyediakan murid untuk mempunyai ciri-ciri diri yang akan terserlah dalam bentuk tingkah laku untuk bertindak dalam situasi yang terarah ke arah kesejahteraan diri, keluarga dan negara (KPM, 2011). Kegiatan keusahawanan pula merupakan satu proses memupuk dan melahirkan pelajar dengan budaya berniaga. Maka, kemahiran keusahawanan bolehlah dirumuskan sebagai minat dan keupayaan untuk meneroka peluang dan membangunkan kesedaran terhadap risiko, kreativiti dan inovasi dalam aktiviti berkaitan perniagaan dan pekerjaan (Hussaini dan Ahmad, 2009).

## 2.3 Model asas proses keusahawanan




Rajah 2.1: Model Asas Proses Keusahawanan
(Barringer & Ireland, 2006)

Rajah di atas menunjukkan model asas dalam proses keusahawanan, dengan empat langkah utama. Berdasarkan model di atas, anak panah dua hala antara keputusan untuk menjadi usahawan dan membangunkan idea perniagaan yang berjaya menunjukkan bahawa seseorang perlu berani membuat keputusan untuk menjadi usahawan. Dengan sikap melihat dan merebut peluang yang ada, usahawan tidak akan melepaskan peluang yang boleh membawa keuntungan kepada mereka. Menurut Barringer dan Ireland (2006), tiga faktor utama yang mendorong seseorang individu membuat keputusan untuk menjadi usahawan ialah untuk menjadi bos, untuk meneruskan idea mereka dan untuk mencapai imbuhan kewangan. Disamping

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

itu, usahawan juga perlu berani mengambil risiko. Kegagalan merupakan risiko yang perlu dihadapi oleh setiap usahawan. Kebanyakan perniagaan yang gagal bukan kerana usahawan tersebut tidak bekerja kuat, tetapi kerana kegagalan dalam membuat analisis terhadap peluang, pesaing, keperluan dan persekitaran dalam menterjemah idea perniagaan. Setelah idea perniagaan berjaya dihasilkan dengan baik, maka seseorang usahawan akan merealisasikan idea tersebut kepada firma keusahawanan yang sebenar. Bagi usahawan yang baru memulakan perniagaan, tuntutan daya kreatif dan inovatif diperlukan bagi membolehkan perniagaan berkembang dengan baik, mudah dikenali dan mendapat tempat dalam pasaran serta dapat bersaing dengan pesaing-pesaing yang telah lama bertapak (Kadir, 2010). Tanpa daya kreatif dan inovatif, sesebuah perniagaan mungkin tidak dapat bertahan lama. Langkah terakhir dalam proses keusahawanan ialah mengurus dan mengembangkan firma.

Untuk menjalankan sesebuah perniagaan dan memastikan perniagaan tersebut bergerak ke arah mencapai matlamat bukanlah satu perkara yang mudah. Pelbagai bentuk ilmu pengetahuan dan kemahiran tentang perniagaan perlu dikuasai dan dipelajari oleh usahawan. Selain pengetahuan pengurusan perniagaan seperti pengurusan pemasaran dan pengurusan organisasi, usahawan juga perlu menguasai pelbagai kemahiran bagi memastikan perniagaannya maju, berdaya saing, berkembang dan bertahan lama. Antara kemahiran yang perlu dikuasai oleh usahawan ialah kemahiran berkomunikasi, kemahiran kepimpinan, kemahiran menyelesaikan masalah dan kemahiran kerja berpasukan.

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## 2.4 Kajian kecenderungan keusahawanan pelajar

Kajian mengenai kecenderungan keusahawanan pelajar telah mengenalpasti beberapa faktor yang mempengaruhi seseorang individu untuk menjadi seorang usahawan. Beberapa kajian telah dijalankan untuk mengenalpasti kecenderungan pelajar menjadi usahawan dengan melihat faktor seperti umur, jantina, pendidikan dan latar belakang keluarga, dan pengalaman perniagaan terdahulu (Kristiansen & Indarti , 2004; Shay & Terjensen , 2005). Kajian-kajian lain (Yar Hamidi, Wennberg & Berglund , 2008; Palaniappan & Rafik - Galea , 2009) menggunakan model niat

seperti Teori Peristiwa Keusahawanan (Shapero, 1982) dan Teori Tingkah Laku Terancang (Ajzen, 1991) dalam mengenalpasti sikap, seperti pengambilan risiko, kreativiti dan mengenal pasti halangan.

Kajian ke atas kecenderungan keusahawanan pelajar di Malaysia turut melihat faktor-faktor yang telah mendorong graduan menceburi bidang keusahawanan. Dalam kajian yang dilakukan oleh Mohd Osman (2007) telah mengenal pasti empat faktor yang mendorong graduan dan Alumni Universiti Teknologi Malaysia menceburi bidang keusahawanan iaitu faktor latar belakang usahawan, faktor motivasi, faktor sikap dan faktor kemahiran. Hasil kajian mendapati, faktor latar belakang keluarga tidak mempengaruhi graduan untuk menjadi usahawan. sebaliknya, faktor motivasi, sikap dan kemahiran menjadi faktor penting yang telah mendorong graduan menceburi bidang keusahawanan.

Selain itu, kajian ke atas kecenderungan keusahawanan pelajar turut melihat penerapan kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar politeknik menerusi proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian yang dijalankan oleh Warman et al. (2010) terhadap 151 orang pelajar politeknik mendapati, kecenderungan pelajar dalam bidang keusahawanan dan penerapan kemahiran keusahawanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran secara keseluruhannya adalah sederhana. Boon dan Abdol Aziz (2010) telah menjalankan kajian untuk mengenal pasti profil keusahawanan pelajar IPT. Dapatan kajian menunjukkan pelajar mempunyai ciri-ciri keusahawanan, mempunyai kemahiran dalam bidang keusahawanan dan melibatkan diri dengan aktiviti yang berasaskan keusahawanan.

Kajian yang dijalankan oleh Adam, Abdul Razak dan Abu Bakar (2011) adalah untuk melihat tahap kecenderungan pelajar terhadap bidang keusahawanan dalam kalangan 32 orang pelajar pelajar semester akhir Kolej Komuniti Jasin. Kajian tersebut adalah untuk mengenal pasti minat, sumber dorongan dan pemantapan budaya keusahawanan pelajar. Daripada kajian yang dijalankan didapati bahawa semua pelajar menunjukkan kecenderungan yang tinggi terhadap bidang keusahawanan. Pelajar berminat untuk memulakan perniagaan sekiranya diberi peluang dan sumber yang diperlukan. Pelajar juga didapati mempunyai sumber dorongan yang tinggi terhadap keusahawanan. Kajian juga mendapati kebanyakan program-program yang dilaksanakan dapat membudayakan keusahawanan dalam kalangan responden.

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Kajian yang dijalankan oleh Mohd Mustafa et al., (2013) bertujuan untuk mengkaji faktor yang mempengaruhi kecenderungan 55 orang pelajar tahun akhir program Diploma Perniagaantani di Kolej Profesional MARA Beranang terhadap kerjaya sebagai usahawan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor yang mempengaruhi kecenderungan pelajar menjadi usahawan adalah faktor motivasi, program pengajian dan sikap. Kajian juga mencadangkan supaya pelajar diberi peluang untuk mengaplikasikan kemahiran keusahawanan di pusat pengajian.

## 2.5 Kemahiran keusahawanan

Usahawan membuka perniagaan bertujuan untuk untuk memaksimumkan keuntungan di samping terus berusaha untuk mengembangkan perniagaan (Zimmerer dan Scarborough, 2005; Longenecker et al., 2006 dan Madura, 2007). Oleh itu, memiliki kemahiran keusahawanan dilihat menjadi semakin penting dalam arus perubahan dunia keusahawanan masa kini (van Gelderen, 2007). Kemahiran ini diperlukan untuk memastikan usahawan dapat bertahan, perniagaan berkembang dan terus mencapai kejayaan. Bagi menubuh dan menguruskan sesebuah perniagaan, usahawan perlu menguasai pelbagai kemahiran dan terus meningkatkan penguasaan kemahiran yang dimiliki. Menurut Kementerian Pengajian Tinggi (2006), kemahiran insaniah (KI) yang merangkumi aspek kemahiran generik mengandungi tujuh elemen utama untuk dilaksanakan di IPT iaitu kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis dan menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, kemoralan dan etika profesional dan kemahiran kepimpinan.

KI merangkumi aspek-aspek kemahiran generik yang melibatkan elemen kognitif yang berkaitan dengan kemahiran bukan akademik seperti nilai positif, kepemimpinan, kerjasama pasukan, komunikasi dan pembelajaran berterusan. KI merupakan satu usaha ke arah melahirkan graduan yang berpengetahuan, berkemahiran, inovatif, memiliki jati diri, beretika, mempunyai pendidikan, terlatih dan mempunyai pekerjaan yang sewajarnya (Dora et al., 2008). Hal ini kerana kemahiran insaniah merupakan satu keperluan tambahan bagi pelajar menentukan pembangunan dan perkembangan sesebuah organisasi disamping menjamin

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

kecemerlangan diri sendiri. Menurut Norasmah et al. (2003), kemahiran keusahawanan adalah sebahagian daripada KI.

Menurut Gibb (1993), Kuratko dan Hodgetts (2001) Gürol dan Atsan (2006) Zimmerer et al. (2008) dan Hisrich et al. (2008), terdapat tiga dimensi kemahiran keusahawanan yang mengandungi tiga puluh dua petunjuk kemahiran keusahawanan. KI yang selari dengan kajian tersebut ialah kemahiran berkomunikasi, kemahiran kepimpinan, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan dan kemahiran membuat keputusan. Ini disokong oleh pakar-pakar pendidikan (Golman & Hasselbring, 1997 dan Montague, Morgan dan Wagner (2000)  yang menegaskan bahawa keperluan untuk mempersiapkan diri bagi masyarakat secara amnya, dan pelajar-pelajar khususnya memerlukan kemahiran penyelesaian masalah, kemahiran komunikasi dan kemahiran membuat keputusan.

### 2.5.1 Kemahiran berkomunikasi

Kemahiran berkomunikasi yang baik adalah asas dalam setiap perhubungan dan ia merupakan kunci kepada setiap kejayaan. Menurut Abdul Aziz (2000), 80% manusia gagal dalam kerjayanya disebabkan oleh satu faktor iaitu mereka gagal untuk berhubung dengan orang lain. Usahawan yang tidak mampu untuk berkomunikasi dengan baik tidak akan dapat menjual idea serta produk atau perkhidmatannya dengan baik kepada pelanggan (Zainal, 2004). Dia juga akan mengalami kesukaran untuk menjalinkan jaringan perniagaan *(networking)* dengan usahawan-usahawan lain. Situasi ini akan menyebabkan reputasi seseorang usahawan itu akan terjejas dan perkembangan perniagaan tidak akan berlaku.

Mohd Noor dan Sahimin (2007) dalam kajiannya menyatakan bahawa pelajar tahun akhir Diploma Pengurusan Teknologi (Perakaunan) beranggapan bahawa kemahiran komunikasi amat penting bagi mereka dan hasil kajian ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Buntat (2004).  Dalam kajian itu, mereka mendapati bahawa kemahiran komunikasi merupakan salah satu aspek yang dianggap penting oleh tenaga Pengajar Institut Latihan Vokasional Pertanian. Ibrahim (2012), mendapati, kemahiran komunikasi pelajar-pelajar tahun akhir Institut Kemajuan Iktisas Pahang (IKIP) berada di tahap yang tinggi dengan memperoleh nilai 3.68 dan ini menunjukkan bahawa mereka telah berjaya menguasai kemahiran berkomunikasi semasa belajar di IKIP. Ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Md Diah (2008)

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

# RUJUKAN

Abdul Aziz, A. R. (2000). *Kemahiran Sosial Asas*. Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Abdul Ghani,A. (1996). *Kemahiran Belajar di Institut Pengajian Tinggi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Ghafar, M.N. (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan. Skudai:* UTM Press.

Abdul Ghafar, M. N. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: UTM Press.

Abdul Razak, S. @ N. (2003). *Pembentukan Modul Latihan Pemikiran Kreatif Untuk Bakal Usahawan Bagi Graduan Kolej Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.* KUiTHO: Tesis Sarjana.

Abdul Razzaq, A. R., Sawah, N., Md.Yunos, Jailani., Hashim, J., Mustaffa, M. Z., Hadi, M. Y. dan Madar, A. R. (2008). Penerapan dan Penguasaan Kemahiran Generik Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran bagi Program Pengurusan Hotel Katering di Politeknik kearah Keperluan Industri. *Seminar Kebangsaan Kemahiran Insaniah dan Kesejahteraan Sosial (SKIKS)*.Melaka. pp 443-451. (unpublished).

Abdullah, M. A. (1997). *Industri Kecil di Malaysia Pembangunan dan Masa Depan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abu Bakar, T. @ S., Md Ali, A., Omar, R., Md Som, H., Muktar, S. N. (2007). *Penglibatan Kaum Wanita Dalam Aktiviti Keusahawanan di Negeri Johor: Kajian Terhadap Faktor-faktor Kritikal Kejayaan dan Kegagalan Pengendalian Perniagaan. Jabatan Pembangunan Sumber Manusia*. Projek VOT 75087. Universiti Teknologi Malaysia.

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Adam, A., Abdul Razak, S. dan Abu Bakar, M. H. (2011). Kecenderungan Pelajar-Pelajar Semester Akhir Kolej Komuniti Jasin Terhadap Keusahawanan. Mini Seminar Pendidikan Kolej Komuniti Jasin.

Ali, M. & Noordin, S. (2006). Tahap Penguasaan Kemahiran Berfikir Kritis di Kalangan Pelajar Pendidikan Fizik Merentas Jantina. *Buletin Persatuan Pendidikan Sains dan Matematik Johor,* 15(1), 99-110.

Arshad, N. H. (2007). *Penguasaan Kemahiran Generik di Kalangan Pelajar Dalam Memenuhi Kehendak Industri : IPTA dan IPTS*. Universiti Tun Hussein Onn: Tesis Sarjana.

Ashmore, C.M. (1989). *The Power of Entrepreneurship: A Process Perspective*. Canada: Thompson South Western.

Baharin, N., Yusoff, I. dan Ismail. R. (2012). Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pengangguran di Malaysia. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII (PERKEM VII)*. Ipoh, Perak. pp: 209-227.

Bardai, B. (2000). *Keusahawanan dan Perniagaan.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Barringer B. R. & Ireland R. D. (2006). *Entrepreneurship: Successfully Launching New Ventures*. New Jersey: Prentice Hall.

Bjorkland, D.F, & Pellegrini, A. D. (2000). Child Development and Evolutionary Psychology. *Child Development*, *71*, 1687-1908.

Boon, Y. dan Abdol Aziz, A.zizi (2010) *Profil Keusahawanan Dikalangan Pelajar Tahun Empat Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kejuruteraan Elektrik).* pp 1-6. (Unpublished).

Buang, N. A. (2002). *Asas Keusahawanan*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.

Buntat,Y. (2004). *Integrasi Kemahiran 'Employability' Dalam Program Pendidikan Vokasional Pertanian dan Industri di Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis PhD.

Buntat, Y. & Rajuddin, M. R. (2003). Dimensi Kemahiran Employbiliti. Persepsi Pendidik Vokasional dan Majikan Industri. *Virtec Journal,* 3(1), 83-89.

Carter, S. & Collinson, E. (1990). Entrepreneurship Education: Alumni Perceptions of the Role of Higher Education Institutions. *Journal of Small Business & Enterprise Development*, 6(3), 229-239.


PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Chan, Y. F. (2000). Preparing Knowledge Workers for the Knowledge Economy. *Journal of Technology and Vocational Education*: Globalization and Future Trends.

Chua, Y. P. (2008). *Asas Statistik Penyelidikan: Analisis Data Skala Ordinal dan Skala Nominal, Buku 3. Malaysia.* Mc Graw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.

Che Abdullah, N. & Mustapha, R.(2009). Kajian Kes Usahawan Tani Industri Kecil Sederhana (IKS) Bumiputera di Negeri Terengganu. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(2), 143 – 165.

Chin Y. W. (2003). *Budaya dan Keusahawanan Cina di Malaysia*. Bangi: UKM Press.

Chow, W.S. (2000). Success Factors For IS Disaster Recovery Planning in Hong Kong. Information Management & Computer Security. 8 (2), 80-87.

Chua, Y. P. (2006). *Kaedah Penyelidikan*. Buku 1. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Sdn. Bhd

Cohen, A. R. (2004). Building a Company of Leaders. *Leader to Leader*, 34, 16-20.

Collerette, P. & Aubry, P. G. (1990). Socio-economic Evolution of Women Business Owners in Quebec. *Journal of Business Ethics*, 9 (4/5), 417-422.

Cunningham, J. B. & Lischeron, J. (1991). Defining Entrepreneurship. *Journal of Small Business Management*, 29(1), 45-59.

Dawe, S. (2002). *Focussing On Generic Skills In Training Packages*. Kengsington Park: National Centre for Vocational Education Research (NCVER) Ltd.

Deraman, N., Mohamad, A., Ahmad, S., Bakar, H., Mohd. Jani, M. Y. & Hashim, K. (2007). *Keusahawanan*. Selangor: McGraw Hill.

Dillman, D. A. (1978). *Mail and Telephone Surveys : The Total Design Method*. New York: John Wiley.

Don, F.R. (2013). *Why We Want You To Be Rich: Donald J. Trump dan Robert T. Kiyosaki. (Edisi Bahasa Melayu)*. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Dora, M. T., Kudus, N., Abu Hassan, M. & Ali, R. (2008). *Kemahiran Insaniah : 7 Kompetensi Unggul Mahasiswa*. Melaka: UTEM Press.

Engestrom, Y. (2008). *From Team to Knots (Activity-Teoritical Studies of Collaboration and Learning at Work*. Cambridge: Cambridge University Press.

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Esa, A., Mohd Yunus, J. dan Kaprawi, N. (2004). *Penerapan Kemahiran Kepimpinan Menerusi Kokurikulum di Politeknik*. Kolej Universiti Tun Hussein Onn.

Fanning, B. (2005). *The Change Agents Guide to Innovations In Education*. New Jersey: Educational Technology.

Farid, M. (2007). Entrepreneurship in Egypt and The US Compared. *Journal of Management Development*, 26 (5), 428-440.

Fayolle,A. (2000). Exploratory Study to Assess the Effects of Entrepreneurship Programs on Student Entrepreneurial Behaviours, *Journal of Enterprising Culture*, 8(2), 169-184.

Filer, R., Hamermesh, D.S., & Rees, A.E. (1996). *Economics of Work and Pay*. New York: Harper Collins.

Ghulam, R. N. dan Bagley, D. (1998). *" Graduates' Perceptions Of Transferable Personal Skills And Future Career Preparation In The UK"*. Journal Of Career Development International, Vol 3; 31-39.

Gibb, A. (1993). The Enterprise Culture and Education, Understanding Enterprise Education and Its Links with Small Business, Entrepreneurship and Wider Educational Goals. *International Small Business Journal*, 11(3), 11-34.

Glover, D. (2000). The Introduction to Key Skills Into Schools: Core or Casuality?. *Journal of Vocational Education and Training*, 52(1), 63-77.

Golman, S. R. & Hasselbring, T. S. (1997). Achieving Meaningful Mathematics Literacy for Students with Learning Disabilities. *Journal of Learning Disabilities*, *30*(2), 198-208.

Gürol, Y. & Atsan, N. 2006. Entrepreneurial Characteristics amongst University Students: Some Insights. Education and Training;48,1; ABI/INFORM Global, pg. 25.

Gurcharan Singh, G. K. & Garib Singh, S. K. (2008) . Malaysian Graduates' Employability Skills. *UNITAR E-Jornal*, 4(1), 44-56.

Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni UPM (2011). Operasi Perkhidmatan Sokongan. Pejabat Timbalan Naib Canselor. Kod Dokumen : OPR/HEPA/BR25/SPP. Borang Soal Selidik Aktiviti Pelajar. Universiti Putra Malaysia.

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Hambali, M. N. H. (2011). *Faktor Bantuan Kerajaan yang Meningkatkan Kejayaan Usahawan Industri Kecil dan Sederhana Bumiputera di Sabak Bernam, Selangor*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.

Harun, H. (2001). *Budaya Keusahawanan Pelajar Politeknik*. Laporan Kajian Laluan Pantas. Fakulti Pendidikan, UKM.

Hashim, M. A. S. (1983). *Bumiputra Entrepreneurship A Study of MARA Loanees in the Malaysian State of Kelantan*. Massey University: Tesis Phd.

Hasim, N. (2010, Ogos 25), Masalah Kewangan Punca Utama Cerai.Berita Harian. Dicapai pada 10 Oktober 2013 di http://www.bharian.com.my/.

Hassan, H., Ahmad, R. & Bahari, A. (2008). Kemahiran Insaniah dan Kepentingan Penerapannya Dalam Program Baktisiswa Perdana UNiMAP. Dicapai pada 01 November 2013 di http://dspace.unimap.edu.my.

Hassan, Z., Abdul Rahman, M. A., Abdul Ghaffar, M. N & Zakaria, K. (2005). *Penerapan Kemahiran Generik Dalam Pengajaran Kejuruteraan di Sekolah Menengah Teknik di Terengganu*. Johor : Universiti Teknologi Malaysia.

Henwood, R. (2006). *Careers In Malaysia*. Dicapai pada 01 November 2013 di http://www.asia.hobsons.com/regional_outlook/careers_in_malaysia.

Hisrich, R.D. & Peters, M.P. (2000). *Entrepreneurship*. 4th ed. Boston: Irwin McGraw Hill.

Hisrich, R. D., Peters, M. P. & Shepherd, D. A. (2008) . *Entrepreneurship*. 7th ed. Boston: Irwin McGraw Hill.

Husaini, M. A. & Ahmad, K. A. (2008). Kemahiran Keusahawanan: Satu Kajian Analisis Kandungan Buku-buku Teks. *Seminar Kebangsaan Kemahiran Insaniah dan Kesejahteraan Sosial (SKIKS)*. Melaka. pp 409-418. (unpublished).

Ibrahim, M. Z. (2012). *Tahap Penguasaan Kemahiran Insaniah Dalam Kalangan Pelajar Tahun Akhir di Kolej Antarabangsa IKIP*. Universiti Tun Hussein Onn: Tesis Sarjana.

Ibrahim, M. Z., Hamzah, R. dan Nazri, M. I. (2012). Tekad Keusahawanan Tani Dalam Kalangan Pelajar Sains Pertanian Sekolah Menengah.. *Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTA 2012*, Johor Bahru, Johor.

Idris, N. *Penyelidikan dalam Pendidikan. Malaysia.* Mc Graw Hill Education. 2010.

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Idris, R., Ariffin, S. R. dan Mohd Ishak, N. (2009). Pengaruh Kemahiran Generik dalam Kemahiran Pemikiran Kritikal, Penyelesaian Masalah dan Komunikasi Pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). *MJLI*, Vol.(6), 103-140.

Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara (IPPTN) (2003). *Laporan Akhir Kajian Masalah Pengangguran di Kalangan Graduan*. Pulau Pinang: Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara (IPPTN).

Ismail, A. & Alias, Z. (2010). Pembangunan Kemahiran Insaniah (KI) Melalui Program Berasaskan Keusahawanan: Kajian Kes Terhadap Kumpulan Inkubator Keusahawanan Di Politeknik Merlimau Melaka. *Prosiding Seminar Transformasi Pendidikan Teknikal*. Sungai Petani,Kedah. pp 12-21.

Ismail, M. H (2012). Kajian Mengenai Kebolehpasaran Siswazah di Malaysia: Tinjauan dari Perspektif Majikan. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII (PERKEM VII)*. Ipoh, Perak. pp 906–913.

Jabatan Perangkaan Malaysia (2013, September). *Siaran bulanan: Perangkaan Tenaga Buruh Malaysia, September 2013.* Dicapai pada 20 November 2013 di http://www.statistics.gov.my.

Jabatan Perdana Menteri (2011). Laporan Tahunan 2011. Program Tansformasi Kerajaan.

Jabor, M. K. & Abd Hadi, A. F. (2012). Kecenderungan pelajar Tahun Akhir di Institut Kemahiran Mara Terhadap Bidang Keusahawanan. *Journal of Educational Management*, 5(3), 16-33.

Kadir, M. N. (2010). *Berfikir Gaya Trump*. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Kamarudin, N., Halim, L. and Osman, K., and Meerah, T.S. (2009) Pengurusan Penglibatan Pelajar Dalam Amali Sains. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(1), 205-217.

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2005). Kuala Lumpur :*Dewan Bahasa dan Pustaka.*

Kaplan, J. M. & Warren A. C. (2007). *Patterns of Entrepreneurship. 2nd ed.* US : John Wiley and Sons Inc.

Katiman, R. (1988). *Pengantar Geografi Bandar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Kewangan Malaysia (2012). Bajet 2013. Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya.

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Kementerian Pelajaran Malaysia (2012). Kurikulum Standard Sekolah Rendah : Buku Panduan Elemen Merentas Kurikulum Keusahawanan. Putrajaya : Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia. (2012). Memacu Transformasi Menjana Pertumbuhan: Laporan MITI 2012.

Kementerian Pengajian Tinggi (2011). *Perangkaan Pengajian Tinggi Malaysia 2010*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Kementerian Pengajian Tinggi. (2006). *Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (soft skills) Untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*. Universiti Putra Malaysia.

Kementerian Sumber Manusia. (2005). *Laporan Tahunan*.

Klapper, R. (2004). Government Goals and Entrepreneurship Education: An Investigation at a Grande Ecole in France. *Journal of Education and Training*, 46(3), 127-137.

Koh, H.C. (1996). Testing Hyphotesis of Entrepreneurial Characteristics: A Study of Hong Kong MBA Students. *Journal of Managerial Psychology*, 11(3), 12-25.

Kolvereid dan Moen (1997). Entrepreneurship Among Business Graduates : Does a Major in Entrepreneurship Make a Difference?. *Journal of European Industrial Training*, 21(4), 154-160.

Konting, M. M. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Krejcie, R. V. & Morgan. D. W. (1981). *Determining Sample Size for Research : Educational Psychological Measurement.* New York: McGraw Hill.

Kristiansen, S., & Indarti, N. (2004). Entrepreneurial Intention Among Indonesian and Norwegian Students. *Journal of Enterprising Culture*, 12(1), 55–78.

Kuratko, D. F. & Hodgetts, R. M. (2004). *Entrepreneurship : Theory, Process and Practice.* Mason, OH: Thomson.

Lee, K.H., Quek, A. H., & Chew, S. B. (2001). *Education and Work: The State of Transition*. Kuala Lumpur: UM Press.

Levi, D. (2011). *Group Dynamics for Teams. 3rd Edition*. Thousand Oaks: SAGE Publication, Inc.

Lewis, K. (2005). The Best of Intention : Future Plans of Young Enterprise Scheme Participants. *Journal of Education and Training*, 47. 470-483.

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Li, W. (2006) *Entrepreneurial Intention Among International Students* : Testing a Model of Entrepreneurial Intention. USASBE Small Business Advancent National Center, University of Central Arkansas.

Linacre, J. M. (2005). *A User's Guide to Winsteps®Ministeps: Rasch-Model Computer Programs*. Chicago: Winsteps.com.

Longenecker, J. G., Moore, C.W., Petty, J.W. & Palich, L.E. (2006). *Small Business Management: An Entrepreneurial Emphasis*. 13th ed. Mason, OH: Thompson South-Western.

Lope Pihie, Z. A. (2009). Entrepreneurial as a Career Choice: An Analysis of Entrepreneurial Self-Efficacy and Intention of University Students. *European Journal of Social Sciences*, 9(2), 338–349.

Lope Pihie, Z. A. & Alias, H. (1997). *Keusahawanan dan Motivasi Diri*. Serdang: UPM Press.

Lope Pihie, Z. A. dan Bagheri A. (2009). Entrepreneurial Intention of University Students: An Analysis of Gender and Ethnic Groups. *International Journal of Knowledge, Culture and Change Management*, 9(4), 49–60.

Lope Pihie, Z. A. dan Hassan, H. (2009). Choice of Self-Employment Intention Among Secondary School Students. *Journal of International Social Research*. 2(9).

Lope Pihie, Z. A., Bakar, A. R., dan Konting, M. M. (2002). Pelaksanaan Pendidikan Keusahawanan di Malaysia: Kesan Terhadap Aspirasi Keusahawanan Pelajar. *Journal of Social Science & Humanities*, 10(1), 53-61.

Madura, J. (2007). *Introduction to Business*. 4th ed. Mason, OH: Thompson South-Western.

Mahmood, R., Abu Bakar, L. J., Mohd Jani, M.Y., Bakar, M. S., Deraman, N., Zakaria, N., Abdullah, S., Mohd Saad, R. dan Mustapa, A.N. (2008). *Prinsip-prinsip Asas Keusahawanan.* Singapura: Cengage Learning Asia Pte Ltd.

Malaysia. 2011). *Rancangan Malaysia Kesepuluh*. 2011-2015. Kuala Lumpur. Percetakan Nasional Berhad.

Mazlan, M. (2009, April, 16). Lebih 30,000 Pekerja Diberhentikan. Berita Harian. Dicapai pada 09 Oktober, 2013 di http://www.bharian.com.my/

Merriam, S. B. (1999). *Learning in Adulthood : A Comprehensive Guide*. San Francisco: Jossey Bass.

PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Mohamad, H. (1988). *Entrepreneurial Development in Malaysia With Specific Reference to Training and Development Initiatives*. University of Stirling: Tesis PhD

Mohd Arif A. H., Bidin, Z., Sharif, Z. & Ahmad, A. (2010). Predicting Entrepreneurial Intention Among Malay University Accounting Students in Malaysia. *Unitar e-Journal*. Dicapai pada 02 Oktober, 2013 di http://ejournal.unirazak.edu.my/articles/Predicting_Entrepreneur_p1v6n1Jan10.pdf.

Mohd Makhbul, Z. & Mohamad Hasun, F. (2007). *Menjadi Usahawan: Panduan Menubuhkan dan Menguruskan Perusahaan Secara Profesional*. Kuala Lumpur: PTS Professional.

Mat Lazim, N. & Yusof, N. (2012). Universiti, Pembangunan Modal Insan dan Penumpuan Ruang Komuniti Berpendidikan Tinggi di Malaysia : Suatu Ulasan Kritis. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(2), 308-327.

Mohd Noor, N. & Sahimin, S. (2007). *Penerapan Kemahiran Generik Dalam Prose Pengajaran Dan Pembelajaran Di Kolej Yayasan Sabah*. Skudai: UTM Press.

McLarty, R. (2005). Entrepreneurship Among Graduates: Towards A Measured Response. *Journal of Management Development*, 24(3): 223-238.

McMillan, A. (2006). *Teach Yourself: Entrepreneurship*. Canada: McGraw Hill.

Md Diah, N. (2008). *Penguasaan Kemahiran Komunikasi Dalam Kalangan Pelajar Kejuruteraan Di Politeknik*. Universiti Tun Hussein Onn: Tesis Sarjana.

Miller, M.D (1983). A Model of Life Long Entrepreneurship Education. *Kertas kerja The National Centre fior research in Vocational Education, Columbus, Ohio*,21-22 September.

Mohamed, A., Mohd Isa, F. L, dan Shafii, H. (2007). Kemahiran Di Kalangan Graduan Sebagai Kriteria Penting Pasaran Tenaga Kerja : Kajian Kes Graduan Fakulti Kejuriteraan UKM. *Kertas Kerja yang dibentangkan di Seminar Pendidikan Kejuruteraan dan Alam Bina*. UKM. pp 1-10.

Mohamed Idris, S. H. (2009). *Kecenderungan Keusahawanan Di Kalangan Pelajar Bidang Kejuruteraan Di Institusi Pengajian Tinggi Awam Di Kawasan Utara Semenanjung Malaysia*. Universiti Utara Malaysia: Tesis *Sarjana*.

Mohd Jani, M. F., Othman, N., Mohd Ariffin, A. A. dan Zainal, A. (2007). *Analisis Jurang (Gap Analysis): Program Keusahawanan di IPT dan Model*

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

*usahawan Berjaya*. Projek EPGL-018-2006. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd Mustafa, U. A., Mohd Daud, S., Mohd Senon, M. dan Mohd Ismail, N.B. (2013). Kecenderungan Kerjaya Sebagai Usahawan Dalam Kalangan Pelajar Bumiputera Tahun Akhir Diploma Perniagaantani, Kolej Profesional Mara Beranang. Seminar Pasca Siswazah Dalam Pendidikan (GREDUC).

Mohd Nizam, A.R., Norhamidi, M., Dzuraidah A.W., Jaharah, A.G., Nishata Royan, R.R., & Shahida Azura, M.A. (2009). Engineering Students towards Entrepreneurship Awareness. *Seminar Pendidikan Kejuruteraan dan Alam Bina (PeKA'09)*. Dicapai pada 21 Oktober 2013 di http://pkukmweb.ukm.my/~upak/pdffile/PeKA 09/P4/33.pdf

Mohd Osman, M. H. (2007). *Faktor-faktor Yang Telah Mendorong Graduan dan Alumni Universiti Teknolgi MalaysiaMenceburi Bidang Keusahawanan*. Vot Penyelidikan 75004. Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Rosli, F. (2013). *Pembudayaan Keusahawanan Kearah Mempengaruhi Kecenderungan Menceburi Bidang Keusahawanan Dalam Kalangan Bakal Graduan di UTHM*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.

Montague, M., Morgan, T.H., &. Warger, C. (2000). Solve it!Strategy Instruction to Improve Mathematical Problem Solving. *Learning Disabilities Research & Practice, 15* (2), 110-116.

Muhamad, J., Hanafiah, M. H. & Mohd Makhbul, Z. (2000). *Pengantar Pengurusan.* Kuala Lumpur: Leeds Publication.

Nasharudin, N. & Harun, H. (2010). Aspirasi Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35(1), 11-17.

Nahavandi, A. (2002). *The Art and Science of Leadership. 3$^{rd}$ ed*. Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall.

Nazif, W. M. & Ibrahim, F. (2005). *Formula Menjadi Usahawan Berjaya*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Othman, N., Lope Pihie, Z.A., Nazri, M.I dan Ahmad Tarmizi, R. (2003). Aplikasi Model Kolb Dalam Program Keusahawanan Remaja. *Jurnal Teknologi*, 38 (E), 49-64.

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Omar, Y. (2004). *Pengaruh Faktor Motivasi Terhadap Pembentukan Ciri-ciri Keusahawanan Kontraktor Kelas F Menceburi Bidang Keusahawanan*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Tesis Sarjana.

Ooi, Y.K., (2008). *Inclination Towards Entrepreneurship Among Malaysian University Students in Northern Peninsula Malaysia*. Swinburne University of Technology: Tesis Phd.

Othman, N., Anuar, A., dan Husin, M. (2009). Kekangan Dalam Menjalankan Perniagaan Dalam Kalangan Pelajar di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, 12(6), 87-107.

Othman, N., Karim, F., Harun, H., Lope Pihie, Z. A., Buang, N. A. (2005). Pembentukan Indeks Tingkah Laku Keusahawanan Golongan Remaja di Malaysia. Projek IRPA 07-02-02-0036EA279. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Othman, N., Lope Pihie, Z. A., Nazri, M. I. & Ahmad Tarmizi, R. (2003). Aplikasi Model Kolb Dalam Program Keusahawanan Remaja. *Jurnal Teknologi*, 38(6), 49–64.

Palaniappan, A.K., & Rafik-Galea, S. (2009). Creativity and Entrepreneurial Tendencies among Form Two Malaysian Students. Journal of Applied Sciences, 9(19), 3539–3546.

Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara 2011-2015. (2010). Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Putrajaya.

Redzuan, M., Abd Rahman, A. R. dan Muhamad Nasharudin, N. A. (2012). Pembentukan Keupayaan Individu Dalam Kalangan Usahawan Wanita Industri Kecil. *Akademika,* 82(1),57-64.

Robertson, M. & Collins, A. (2003). Developing Entrepreneurship In West Yorkshire: West Yorkshire Universities Partnership And Business Start Up @ Leeds Metropolitan. *Journal of Education and Training*, 45(6): 303-307.

Scarborough, N. M & Zimmerer, T. W. (2006). *Essentials of Entrepreneurship and Small Business Management*. Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall.

Schumpeter, J. A. (1934). *The Theory of Economic Development*. Harvard University, New York.

Sekaran, U. (1992). *Research Method for Business : A Skill Building Approach*. 2$^{nd}$ ed. New York: John Wiley.

PTTAUTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Sidek, R. Z. S. & Abu Bakar, N. (2010). *Faktor – Faktor Yang Mempengaruhi Minat Pelajar Tahun Akhir Terhadap Bidang Keusahawanan Di UTM*. pp. 1-10. (Unpublished).

Siegel, S., & Castellan, N. J. (1988). *Nonparametric Statistics for the Behavioral Sciences*. McGraw Hill.

Shay, J., & Terjensen, S. (2005). *Entrepreneurial Aspirations and Intentions of Business Students: A Gendered Perspective*. Dicapai pada 12 Oktober, 2013 di http://www.babson.edu/entrep/fer/2005FER/chapter_ii/summary_ii7.html

Sloman, J. (1999). *Essentials of Economic* .4th ed. Prentice Hall: New York.

Sulaiman, A.A., & Hashim, M.F. (2011). Kesan Kitaran Ekonomi Terhadap Peningkatan Kadar Indeks Jenayah di Malaysia. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VI (PERKEM VI)*, Melaka. pp. 492-501.

Sulaiman, S. (2008). *Usahawan Cemerlang: Tip dan Panduan Keusahawanan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (2013). *Garis Panduan Permohonan Pengisian Kekosongan Jawatan*. Dicapai pada 11 Oktober 2013 di http://imej.spa.gov.my/dev/pdf/pekeliling/Surat_Pekeliling_Bil_1_2014.pdf

Swinburne University of Technology, Australia (2002). *Generic Skills of a Twenty First Century University Student*. Dicapai pada 12 Oktober 2013 di http://www.online.swin.edu.au/sus/gem1.htm

Syed Jaafar, S. N. A. (2002). *Penguasaan Kemahiran Generik Dalam Memenuhi Kehendak Pasaran Kerja: Kajian di Kalangan Pelajar Semester Akhir Diploma Kejuruteraan di Politeknik Port Dickson*. Kolej Universiti Tun Hussein Onn: Tesis Sarjana.

Tarabishy, A., Solomon, G., Fernald, Jr., L. W. & Sashkin, M. (2005).The Entrepreneurial Leader's Impact on the Organization's Performance in Dynamic Markets. *Journal of Private Equity*, 8(4), 20-29.

Teks Ucapan YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin. Menteri Pengajian Tinggi Malaysia (2012). *Kelestarian Keusahawanan Memacu Ekonomi Mapan* Perasmian Seminar Keusahawanan Kebangsaan. Jabatan Pengajian Kolej Komuniti. 31 Oktober 2012.

Thomas M. A. & Robert H. D. Business Cycles and Street Crime. *Journal of Criminology*, 44(1), 139-164.

PTTA UTHM PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Trump, D. J. (2007). *Trump 101: The Way to Success*. New Jersey: John Wiley & Sons, Inc.

Turker, D. & Selcuk, S.S. (2009). Which Factors Affect Entrepreneurial Intention of University Students? *Journal of European Industrial Training*, 33(2), 142-159.

Van Gelderen, M. (2007). Research based yet action oriented: Developing individual level enterprising competencies. Kertas kerja yang dibentangkan di *17th Global Conference – Internationalizing Entrepreneurship Education and Training*, 8 – 11 July, 2007, Faculty of Management and Economics, Gdansk University of Technology. Gdansk: Poland.

Warman, S., Roddin, R., Esa, A., Awang, H. Mohamed, M. & Ab Rahman, A. (2010). Penerapan Kemahiran Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar di Politeknik. Persidangan Kebangsaan Pendidikan Kejuruteraan dan Keusahawanan. Kota Bahru, Kelantan. pp 206-211.

Wiersma, W. (1995). *Research Method in Educational : An Introduction*. 6$^{th}$ ed. Needham Heights, Massachusetts: Simon and Schuster Company.

Yaacob, A. @ M. Y., Aziz. A. dan Musa, L. ( 2012). Keberkesanan Program Karnival Minggu Usahawan (KMU) Terhadap Ciri-Ciri Kompetensi Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar Jabatan Perdagangan, Politeknik Mukah Sarawak. *Diges Penyelidikan*, Edisi Pertama, 18-26.

Yahaya, A., Hashim, S. & Boon, Y. ( 2007*). Masalah Sosial Dalam Kalangan Remaja.* Skudai: UTM Press.

Yap, P.M. (2002). *Kesediaan Guru-guru Perdagangan Terhadap Penagajaran Subjek Pengajian Keusahawanan*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Tesis Sarjana.

Yar Hamidi, D., Wennberg, K., & Berglund, H. (2008). Creativity in Entrepreneurship Education. *Journal of Small Business and Enterprise Development,* 15(2), 304 –320.

Yusof, A. A. (2013). *Strategi Usahawan Cemerlang*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Yusof, A. A (2010). *Pengenalan Kepada Usahawan dan Keusahawanan.* Kuala Lumpur: ScholarMind Publishing.

Yusof, N., Mat Lazim, N. dan Jamaluddin, Z. (2013).Persepsi Pelajar Prasiswazah Terhadap Program Pembangunan Kebolehpasaran Siswazah: Kes Universiti

Sains Malaysia (USM*). International Journal of Environment, Society and Space*, 1(1), 43-61.

Zainal, R. I. (2004). *Amalan Komunikasi Berkesan Dikalangan Usahawan Tempatan*. Kolej Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.

Zawawi, S. S. A. (2011). Transformasi PTV: Kesediaan Guru-guru Vokasional Terhadap Pelaksanaan Kolej Vokasional KPM Dari Aspek Tahap Kemahiran. *Persidangan Kebangsaan Penyelidikan Dan Inovasi Dalam Pendidikan Dan Latihan Teknik Dan Vokasional*. Pulau Pinang. pp 1-10.

Zimmerer, T. W. & Scarborough, N. N. (1996). *Entrepreneurship and the New Venture Formation*. New Jersey: Prentice Hall.

Zimmerer, T. W., Scarborough, N. N. & Wilson, D. (2008). *Essentials of Entrepreneurship and Small Business Management.* New Jersey: Prentice Hall

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH